

ISU	Malaysia raih emas
Akhbar	Utusan Malaysia
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Dalam Negeri
Muka Surat	45

Malaysia raih emas

Oleh DIANA AZIS

pengarang@itusan.com.my

■ SEPANG 16 APRIL

KONTINJEN Malaysia meraih tiga pingat termasuk satu emas dalam pertandingan Global Skill Championship 2019 (GSC2019) yang berlangsung di Melbourne, Australia sejak 9 April lalu.

Pingat emas diraih peserta dari GiatMara iaitu Amir Syazwan Saridan, 21, bagi kategori pemasangan elektrik; Hanafi Osman, 21, memenangi pingat perak bagi kategori teknologi fesyen manakala pingat gangsa diraih Timothy Bakery, 21.

Bagi Amir Syazwan yang merupakan pelajar GiatMara Taiping, Perak, kejayaan meraih pingat emas dalam pertandingan itu adalah diluar jangkaan memandangkan persaingan sengit yang ditonjolkan peserta lain.

“Apabila nama saya diumumkan sebagai pemenang pingat emas, saya terkejut dan tidak percaya.

“Mungkin inilah berkat usaha dan latihan selain kelebihan mempunyai pengalaman menyertai beberapa pertandingan di peringkat antarabangsa sebelum ini menjadikan saya lebih bersedia,” katanya ketika ditemui sebaik tiba dari Melbourne, Australia di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Ketibaan kontinjen itu disambut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif GiatMara, Ahmad



AMIR SYAZWAN SARIDAN dan Hanafi Osman menunjukkan anugerah pingat emas dan perak yang dimenangi mereka di Melbourne, Australia setibanya di KLIA, Sepang, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFIZ

Hamdi Ibrahim.

GSC 2019 merupakan pertandingan kemahiran peringkat dunia yang disertai 16 negara dengan mempertandingkan 24 jenis kemahiran.

Malaysia menyertai 13 bidang kemahiran dan GiatMara merupakan antara institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang julung kali berjaya menempatkan empat peserta dalam pertandingan akhir kejohanan itu.

Sementara itu bagi pelajar GiatMara Saratok, Sarawak, Hanafi, GSC 2019 menjadi platform kepada mereka untuk memantapkan kemahiran sebelum menyertai pertandingan kemahiran di Kazan, Russia, Ogos ini.

“Walaupun bersaing dengan negara lain yang lebih hebat, kejayaan kami membuktikan hasil pelatih GiatMara mampu diiktiraf dunia,” katanya yang turut meraih anugerah ‘Best In Nation’ pada pertandingan itu.

Sementara itu Ahmad Hamdi berkata, kejayaan GiatMara di GSC 2019 adakah diluar jangkaan sekali gus merupakan langkah terbaik untuk persediaan ke pertandingan lebih besar iaitu World Skill Championship 2019 di Rusia.

“Saya yakin rentak kejayaan ini dapat dikekalkan sekali gus membuka peluang untuk pasukan kita meraih pingat di Kazan nanti,” ujarnya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Cari kerja sesuas lepas hilang kaki
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Setempat
Muka Surat	24



AINULRIZAN ketika ditemui di Karnival Pekerjaan EIS Perkeso 2019.

Cari kerja sesuas lepas hilang kaki

Kuala Lumpur: “Saya ingin mencari pekerjaan yang bersesuaian selepas kehilangan kaki kanan akibat kemalangan tahun lalu,” kata Ainulrizan Musa, 21, pengunjung Karnival Pekerjaan EIS Perkeso 2019 yang berlangsung dua hari ibu negara bermula kelmarin.

Ainulrizan seorang daripada lebih 2,000 peserta yang mencari peluang pekerjaan di karnival itu.

Menurutnya, dia yang bertugas sebagai mekanik di sebuah syarikat kenderaan di Johor masih bercuti dan kini mengikuti program di Pusat Rehabilitasi Perkeso Tun Abdul Razak.

“Saya dibawa Perkeso untuk menyertai karnival ini. Saya berharap dapat pekerjaan yang bersesuaian dengan keadaan saya,” katanya.

Katanya, dia teruja kerana pelbagai peluang pekerjaan ditawarkan dari pelbagai syarikat, malah ramai pemohon juga senasib dengannya.

“Saya cuma berharap dapat perhatian syarikat termasuk mereka berdepan nasib sama untuk terus diberikan peluang pekerjaan dengan tugas bersesuaian,” katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Pampasan RM32.1 juta
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Setempat
Muka Surat	24



KULASEGARAN (empat dari kiri) dan Dr Mohammed Azman (dua dari kanan) merasmikan majlis penutup Karnival Pekerjaan EIS Perkeso 2019, semalam.

Mohd Rizal Abdullah
mohd.rizal@NSTP.COM

Kuala Lumpur

Sebanyak RM32.1 juta sudah dibayar kepada 38,215 pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang kehilangan pekerjaan menerusi program Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Perkeso sejak tahun lalu sehingga 31 Mac tahun ini.

Menyatakan itu, Menteri Sumber Manusia M Kulasegaran berkata, bukan itu saja, mereka turut dibantu untuk mendapatkan semula pekerjaan menerusi program berkenaan.

Menurutnya, bermula tahun lalu sehingga 31 Mac, seramai 8,254 pencarum yang kehilangan pekerjaan berjaya mendapatkan pekerjaan baharu menerusi

Pampasan RM32.1 juta

■ Perkeso lunas ganti rugi bantu 38,215 pencarum hilang kerja

program berkenaan.

“Bagi suku pertama tahun ini, sebanyak 54 temu duga terburuk dan karnival pekerjaan dengan 8,916 tawaran pekerjaan dilakukan menerusi program ini,” katanya ketika berucap sempena majlis penutup Karnival Pekerjaan EIS Perkeso 2019 di ibu negara semalam.

Hadir sama, Ketua Eksekutif Perkeso Datuk Seri Dr Mohamed Azman Aziz Mohamed, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan

Datuk Mohd Sahar Darusman dan Pengarah Urusan VDAP Belgium Fons Leroy.

Selain itu, program berkenaan turut membabitkan majlis menandatangani memorandum kolaborasi antara Perkeso dan Perkhidmatan Pekerjaan dan Latihan Vokasional Flemish (VDAP) iaitu agensi perkhidmatan pekerjaan di Belgium.

Kolaborasi itu membabitkan sokongan teknikal an-

taranya pengurusan pasaran buruh dan mengenal pasti jurang kemahiran pekerja.

Pekerja yang kehilangan pekerjaan antaranya akibat pembuangan kerja konstruktif, peletakan jawatan disebabkan gangguan seksual atau ugutan di tempat kerja selain penutupan tempat bekerja boleh membuat permohonan SIP dalam tempoh 60 hari dari tarikh kehilangan pekerjaan.



ISU	Guna wang bayar upah haji arwah isteri
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Setempat
Muka Surat	24

Batu Pahat: "Wang pampasan ini akan digunakan sebagai bayaran upah haji untuk arwah isteri," kata Mohd Shafiee Azmi Ibrahim, 25, suami Allahyarhamah Hanis Suraya Zul Afizi, 21, yang maut dalam kemalangan jalan raya di bandar ini, pada 6 April lalu.

Beliau menyatakan komitmen itu selepas menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) yang dibayar Perubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kepada keluarganya susulan kemalangan itu.

Cek pampasan itu disampaikan Pegawai Kebajikan dan Bella Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerah, Mohd Yazid Tumin di kediaman mentuanya di Kampung Asam Kumbang, semalam.

Guna wang bayar upah haji arwah isteri



MOHD Shafiee (kanan) menerima cek pampasan FPM daripada Mohd Yazid di kediaman mentuanya di Kampung Asam Kumbang, semalam.

gunakan untuk membantu adik-adiknya dalam persekolahan.

"Keperihatinan pihak Perkeso amat menyentuh perasaan keluarga kami kerana semua yang dilakukan ini sebenarnya luar daripada pengetahuan kami semua," katanya.

Mohd Shafiee berkata, ke malangan yang meragut nyawa isterinya berlaku ketika dia dalam perjalanan pulang dari tempat kerja di sebuah pasar raya pada jam 10 malam.

"Kami tidak menyangka arwah hanya sempat bekerja sebulan di pasar raya itu dan kejadian itu diperdayai angkara kecualian orang lain.

"Apa pun, pihak keluarga amat berterima kasih kepada Perkeso kerana bertindak pantas dan membayar semua pampasan tanpa perlu membuat sebarang permohonan," katanya.

Katanya, wang pampasan FOT dan duit yang dibayar Perkeso itu akan turut di-

Sementara itu, Pengurus Perkeso Batu Pahat, Suhara Mustaffa berkata, waris Hanis Sufaya layak menerima FPM RM2,000 selain Mohd Shafiee Azim akan menerima FOT yang akan mula dibayar pada Mei depan.

"Ketika menerima maklumat mengenai kes ini, Skuad Perkeso Prihatin (SPS) bertindak mendapatkan maklumat mangsa dan hasil se makian mendapat mangsa layak menerima FPM," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Semua pihak perlu kerjasama tingkat tenaga mahir kompetitif
Akhbar	Berita Harian
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Isu
Muka Surat	4

Semua pihak perlu kerjasama tingkat tenaga mahir kompetitif

Kuala Lumpur: Semua pihak di negara ini digesa bekerjasama dan menggembung te- naga serta kepakaran bersama sokongan pa- du bagi memperkuuh dan meningkatkan pembangunan tenaga mahir kompetitif.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata kerjasama agensi awam, swasta, individu dan badan korporat itu penting kerana Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) mem- punyai peranan amat signifikan dalam me- mastikan industri negara berkembang maju.

Pada masa sama, beliau berkata, sumber manusia yang berpengetahuan dan berke- mahiran tinggi adalah pemacu kepada ke- kuatan ekonomi sesebuah negara.

“Justeru, setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penggerak industri utama ne- gara dan institusi yang aktif dalam pem- bangunan serta latihan industri TVET.

Syor industri bergiat aktif

“Saranan saya agar lebih banyak industri di Malaysia bergiat aktif membantu mening- katkan lagi kompetensi dan kualiti tenaga kerja mahir yang bakal dilahirkan, secara tidak langsung turut menyumbang kepada pembangunan industri itu sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks uca- pan dibacakan Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran pada majlis pelancaran *Road To WSC Kazan 2019 Gold* di sini, semalam. Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Ma- nusia merangkap Pengurus Majlis Pertan- dingan Kemahiran Malaysia (MPKM), Datuk Mahfuz Omar.

Tahun ini, Malaysia akan menghantar 20 peserta bertanding dalam 20 acara pada Pertandingan Kemahiran Dunia (WSC) di Kazan, Russia dari 16 hingga 26 Ogos.

Dr Wan Azizah berkata, salah satu kaedah memartabat dan mempromosi TVET adalah dengan mempergiatkan lagi aktiviti per- tandingan kemahiran di semua peringkat.

Katanya, Malaysia sudah menjadi ahli World Skill International (MSI) pada 1992 dan mulai menyertai WSC pada 1993.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	20 bawa cabaran ke pertandingan kemahiran dunia
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Setempat
Muka Surat	29



KULASEGARAN (belakang tengah) bersama Mahfuz (belakang, tiga kiri) dan Mohd Anuar (belakang tiga kanan) bersama peserta selepas merasmikan majlis Road to WSC Kazan 2019 Gold di Stesen Sentral Kuala Lumpur, semalam.

20 bawa cabaran ke pertandingan kemahiran dunia

Kuala Lumpur: Seramai 20 peserta akan membawa cabaran Malaysia ke Pertandingan Kemahiran Dunia (WSC) Kazan 2019 yang dijadualkan berlangsung pada 16 hingga 26 Ogos depan di Kazan, Russia.

Mereka daripada pelajar institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, penyertaan itu memberi impak dan manfaat besar kepada negara termasuk mengiktiraf tahap

kemahiran belia dan pelajar dalam bidang TVET.

Selain itu katanya, pertandingan ini sebagai penanda aras tahap kemahiran peserta negara di peringkat dunia, memartabatkan TVET Malaysia di peringkat antarabangsa dan melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir negara bertaraf dunia.

"Besarlah harapan saya dan seluruh rakyat Malaysia agar peserta negara menunjukkan tahap kemahiran yang terbaik bagi mendapatkan pingat emas pertama untuk negara," katanya menerusi teks ucapan dibacakan Menteri Sumber Manusia M Ku-

lasegaran yang mewakili beliau menyempurnakan pelancaran Road To WSC Kazan 2019 Gold di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Mahfuz Omar, Timbalan Menteri Kerja Raya Mohd Anuar Mohd Tahir dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia Datuk Amir Omar.

WSC dianjurkan setiap dua tahun oleh World Skills International (WSI) dan kali ini dijangka 1,600 belia dari 60 negara mengambil bahagian dalam 56 bidang kemahiran dipertandingkan.

Hingga kini, Malaysia me-

nyertai 11 kali WSC, bermula 1993, dengan pencapaian terbaik negara ialah di WSC Abu Dhabi 2017 dengan dua pingat gangsa dan sembilan Medallion for Excellence.

Dalam pada itu, Dr Wan Azizah berkata, kecemerlangan pelajar TVET bukan sahaja diukur dari segi kebolehpekerjaan tetapi melalui pemahaman dan pencapaian dalam pertandingan kemahiran.

Katanya, untuk itu kerajaan berharap industri di Malaysia terbabit secara aktif bekerjasama dengan kerajaan dalam menyokong pertandingan kemahiran yang

dianjurkan.

"Saranan saya agar lebih banyak penglibatan industri di Malaysia bergiat aktif dalam aktiviti pertandingan kemahiran untuk membantu meningkatkan lagi kompetensi dan kualiti tenaga kerja mahir yang bakal kita lahirkan dan secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan industri itu sendiri," katanya.

Sementara itu, Kulasegaran ketika bercakap kepada pemberita berkata, beliau berharap peserta negara membawa pulang pingat emas daripada pertandingan itu.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Dua pengawal je...
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Setempat
Muka Surat	33

Dua pengawal je...

JKKP nafi mesej tular 18 cedera dalam letupan di Pengerang



SUASANA di luar Rapid Petronas di Pengerang.

Mohd Sabran Md Sani
sab@hmetro.com.my

Johor Bahru

Bukan 18 mangsa sebaliknya hanya dua cedera akibat letupan dan kebakaran di Kompleks Bersepadu Pengerang jam 1.25 pagi Jumaat lalu.

Ini sekali gus menafikan mesej tular mendakwa 18 individu kebanyakannya warga asing cedera akibat letupan pada pagi tadi berkenaan.

Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Johor Dasuki Mohd Heak berkata, kecederaan itu dialami dua pengawal keselamatan yang duduk di dalam van.

"Hasil laporan diterima hanya dua mangsa yang cedera. Mereka duduk dalam van dengan kedudukan kenderaan itu berdekatan tempat letupan.

"Impak letupan itu mengakibatkan kenderaan rosak dan cerminnya pecah terkena pengawal keselamatan. Kesannya mengakibatkan mereka cedera sedikit," katanya.

Menurutnya, siasatan lanjut tidak menemui sebarang kes kecederaan lain di lokasi itu.

"Yang kita (JKKP) Johor tahu dua saja, tetapi tidak tahu jika ada lebih dari itu (mangsa cedera).

"Tujuan kita nak melindungi pekerja dan jika ada pekerja lain tercedera dan JKKP tidak tahu, ia jadi kesalahan," katanya.

Katanya, JKKP Johor akan

menjalankan siasatan lanjut sekiranya lebih ramai lagi pekerja tercedera dalam insiden itu.

"Itu sangat penting (keselamatan pekerja) dan kita akan mencari seorang demi seorang (rujuk senarai cedera).

Kalau ada lagi cedera, kita akan teruskan dengan tindakan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai insiden itu katanya, JKKP masih di peringkat siasatan.

"Pertamanya JKKP akan buat siasatan supaya perkara sama tidak berulang lagi dan keduanya mahu melihat secara terperinci di mana kelemahan yang boleh diperbaiki," katanya.

Menurutnya, selain dua perkara itu, ia tidak dapat diumumkan kerana masih di peringkat siasatan.

Dalam kejadian itu, dua warga tempatan cedera susulan letupan di satu daripada lot tapak projek

Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (Rapid), Pengerang, dekat Kota Tinggi.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintenden Ahsmon Bajah, berkata, kedua-dua mangsa dirawat sebagai pesakit luar di Pusat Kecemasan Perubatan Rapid Pengerang.

Ahsmon berkata, Pasukan Tindak Kecemasan (ERT) Petronas Rapid Pengerang menggunakan lima kenderaan dengan kekuatan 30 anggota berjaya memadam dan mengawal kebakaran sepenuhnya 2.15 pagi.


FAKTA
Impak letupan mengakibatkan kenderaan rosak dan cerminnya pecah terkena pengawal keselamatan



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

ISU	Penduduk mahu tahu status keselamatan
Akhbar	Harian Metro
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Setempat
Muka Surat	33

Penduduk mahu tahu status keselamatan



Kota Tinggi: “Belum ada jawapan pasti (selamat atau sebaliknya),” ujar penduduk Taman Rengit Jaya, Ko Siew Seng, 43, yang terjejas susulan insiden letupan dan kebakaran di tapak projek Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) Pengerang, Jumaat lalu.

Dia yang sudah membuat laporan polis mendakwa pihaknya belum dimaklumkan sebarang perkembangan mengenai perkara itu, sama ada lokasi itu selamat didiami atau sebaliknya.

“Pemeriksaan pihak berwajib membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan bomba sudah dijalankan. Saya faham ia ambil masa namun kami perlu tahu perkembangan terkini berhubung aspek keselamatan.

“Kami (penduduk) tetap berharap ada jalan penyelesaian. Buat masa ini, apakah status kami, adakah kami selamat atau tidak. Bagaimana masa depan kami,” katanya.

Difahamkan, Kampung Lepau yang terletak kira-kira satu kilometer dari projek RAPID adalah antara lokasi paling terjejas

akibat insiden letupan dan kebakaran di kompleks berkenaan.

Kebanyakan rumah penduduk mengalami kerosakan akibat letupan berkenaan termasuk siling jatuh, retak pada dinding rumah dan pintu kaca pecah.

Sementara itu, Menteri Besar Johor Dr Sahruddin Jamal berkata, kerajaan negeri akan membawa setiap cadangan penduduk kampung berdekatan projek Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) di sini, yang terjejas akibat letupan dan kebakaran di persekitaran kompleks berkenaan baru-baru ini ke mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk dibincangkan.

Menurutnya, kerajaan negeri mengambil maklum akan semua keimbangan dan cadangan penduduk yang terkesan dengan insiden itu termasuk yang menyuarakan hasrat untuk berpindah.

“Tentang apa-apa isu, sama ada yang soal pemindahan, semua kita akan bawa ke Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri dan nanti kita akan berbincang juga dengan Petronas dan pihak berkaitan. Apa penyelesaian terbaik yang boleh diambil,” katanya semalam.



ISU	TVET crucial to nation-building, says Kula
Akhbar	The Star
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Nation
Muka Surat	12

TVET crucial to nation-building, says Kula

By JO TIMBUONG

jo.timbuong@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The country's progress is likely to be hindered if it neglects technical and vocational training (TVET), says Human Resource Minister M. Kulasegaran.

He said such skills are just as important now as they were in the early years after Merdeka.

"The first TVET institution in Kuala Lumpur was built in 1962, which shows how important it was towards building a new country."

"But along the way the system changed to give more prominence to academic (studies)," he said.

However, TVET has regained its importance as developed countries like Germany and Japan have put more emphasis on them, Kulasegaran said.

He said both countries have implemented a dual system, where students spend about

70% of their time on training and about 30% on learning experience.

"TVET has also become a preferred choice in India as students know they are guaranteed a job after they leave school," he added.

He said Malaysia also has plans to improve on its own TVET syllabus by expanding it to include computer-related subjects.

Kulasegaran was representing Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail at the launch of the "Road To World Skills Competition (WSC) Kazan Gold 2019".

Kulasegaran also read out Dr Wan Azizah's speech.

She said participating in an international competition such as the WSC Kazan 2019 would also help elevate TVET and produce more highly-skilled Malaysian talents.

"TVET plays a significant role in the country's progress towards becoming a developed nation. A robust economy depends on a

knowledgeable and highly-skilled workforce," she said.

Malaysia will be represented by 20 participants at the competition, each coached by an expert to show off their talents in various fields, including baking, cabinet making, jewellery design, electrical installation, brick laying, cloud computing, mechanical engineering, refrigeration and air conditioning.

Malaysia's prior achievement in the biennial competition organised by WorldSkills International include winning two bronze medals and nine Medallions for Excellence at WSC Abu Dhabi 2017.

Worldskills is an organisation aimed at empowering communities through vocational skills.

Separately, Kulasegaran said the revival of the East Coast Rail Link will be a boon to the local job market as many opportunities are bound to emerge.



ISU	Industri perlu sokong pertandingan TVET
Akhbar	Kosmo
Tarikh	17 April 2019 (Rabu)
Ruang	Negara
Muka Surat	4

Industri perlu sokong pertandingan TVET



KUALA LUMPUR - Pihak industri di negara ini disaran agar bekerjasama dan terlibat secara aktif dalam menyokong pertandingan kemahiran yang dianjurkan oleh pelbagai pihak untuk memperkasa bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail

(gambar) berkata, ia bagi membantu meningkatkan lagi kompetensi dan kualiti tenaga kerja mahir yang bakal dilahirkan.

"Ini secara tidak langsung akan turut menyumbang kepada pembangunan industri itu sendiri. Penglibatan pihak industri akan meningkatkan kualiti latihan dan keyakinan peserta negara memandangkan

mereka mendapat pendedahan secara terus mengenai teknologi semasa dan suasana kerja sebenar dalam industri."

"Pelaburan dalam meningkatkan daya saing tenaga mahir negara ini akan mendapat pulangan pada masa hadapan dari segi keyakinan pelabur dalam sektor-sektor industri tertentu yang mencapai kecemerla-

ngan dalam pertandingan sebegini," katanya dalam ucapan ketika melancarkan kontinjen Malaysia yang akan mewartai World Skills Competition 2019 di Kazan, Rusia pada Ogos depan di Stesen Sentral Kuala Lumpur, di sini semalam.

Teks ucapan Dr. Wan Azizah dibacakan oleh Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran.